

19/04/1997

Bumiputera perlu manfaat permit teksi

KISAH permit teksi Bumiputera di Kuala Lumpur dialibabakan bukan perkara baru. Cuma yang baru ialah kegiatan itu dan bilangan teksi terbabit semakin meningkat jumlahnya. Kajian terbaru Kementerian Pembangunan Usahawan mendapati hampir 4,000 teksi di Lembah Kelang kini beroperasi menerusi permit Bumiputera yang dialibabakan. Semua teksi terbabit yang dikesan sejak Disember lalu adalah milik 100 syarikat Bumiputera yang dialibabakan.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kementeriannya akan memanggil pemilik teksi Bumiputera yang mengalibabakan permit kepada pengusaha asing. Tindakan segera akan diambil termasuk menarik balik permit sebagai pengajaran kepada Bumiputera terbabit.

Amaran mahupun nasihat seperti ini juga bukan sesuatu yang baru. Setiap kali isu ini dibangkitkan terutama di kalangan persatuan pengusaha teksi sendiri, pelbagai jaminan sama ada kerajaan mahupun pihak berkuasa dibuat bagi menangani masalah ini. Malangnya tindakan yang diambil tidak banyak mendatangkan kesan. Seorang dua dikenakan tindakan, tetapi ramai yang terus melakukannya.

Adakah perniagaan teksi di Lembah Klang tidak berdaya maju sehingga mereka sanggup 'mengalibabakan' permit? Mengapa pemiliknya tidak sekadar menyewakan permit sebaliknya membeli kereta dan menyewakannya? Apakah pemilik permit sukar mencari modal untuk membeli kereta untuk dijadikan teksi sewa?

Kelmarin kerajaan mengarahkan semua bangunan baru di ibu kota akan dilarang menyediakan tempat meletak kereta, kadar bayaran meletakkan kenderaan akan dinaikkan manakala kebanyakan petak sedia akan ditutup. Langkah itu adalah untuk menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan awam seperti bas dan teksi bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Apakah pemilik permit teksi Bumiputera tidak nampak peluang ini, kesan positifnya kepada perniagaan mereka yang pasti memberikan pulangan lumayan?

Kita percaya dalam usaha kerajaan mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), pelbagai kemudahan dan bantuan diberikan kepada Bumiputera. Bukan sekadar memberi permit, malah pinjaman lain juga disediakan untuk mereka memulakan perniagaan. Namun dengan pelbagai keistimewaan yang diberikan, kita kesal sindrom seperti alii baba ini masih wujud. Ini kerana kebanyakan pemilik permit tetap berpegang kepada prinsip kerja sikit tetapi mahu untung cepat.

Kerap kita menegaskan kelemahan dan kegagalan Bumiputera dalam perniagaan sebenarnya kerana sikap dan pendekatan kita sendiri. Inilah kelemahan atau wabak penyakit yang menyerang kita. Selagi kita tidak sanggup mengenal pasti dan mengakui kita diserang penyakit itu, selama itulah tiada ubat mujarab yang boleh menyembuhkannya. Tetapi mengapa kita masih memandang ringan hal ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera di Kuala Lumpur beberapa hari lalu berkata, pencapaian orang Melayu dan Bumiputera dalam semua bidang ketika ini jauh lebih baik daripada yang dijangka kerana mereka mempunyai potensi serta kebolehan tinggi. Bagaimanapun kita merasa malu jika pengusaha dan pemilik permit teksi yang terbabit dalam kegiatan alii-baba ini, tidak menggambarkan langsung kebolehan orang Melayu sebagaimana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri itu. Lantaran itu, kita mahu pemilik permit teksi terbabit

berfikir panjang. Usahawan Melayu seperti mereka tidak lagi boleh terus menyalahkan kerajaan dan mendesak lebih banyak usaha diadakan bagi membantu mereka. Mereka mesti meyakinkan diri bahawa kegagalan dan kelemahan yang sengaja mereka undang tidak semua boleh diatasi dengan tindakan kerajaan saja. Mereka mesti bertanya tidakkah ada banyak yang boleh dan patut dibuat oleh diri mereka sendiri? Sesungguhnya untuk mengatasi kelemahan dan berjaya, kesabaran dan ketekunan amat perlu. Tiada juga tempat bagi mereka yang mudah tawar hati.

Kerajaan memang mahu melihat lebih ramai bukan Bumiputera dan Bumiputera berkongsi ala Ali Baba. Tetapi Ali bukan rakan kongsi pasif sehingga sanggup menanggung risiko. Rakan kongsi bukan Bumiputera pula mesti mendapatkan rakan Bumiputera tulen dan bukan tumpang tidur saja. Mereka mesti didesak untuk sama-sama mengendalikan. Bukan Bumiputera mesti sedia membimbing dan mendedahkan rakan kongsi Bumiputera kepada realiti perniagaan, bukan mengambil kesempatan seperti apa yang dilakukan mereka terhadap permit teksi.

(END)